

Terus pengajian di Kuin

Kerajaan negeri sedia buka peluang kepada pelajar AiU sambung pengajian

■ NOOR FAIZAL GHAZALI & MOHAMAD FAKHRI MOHD ALI

ALOR SETAR - Kerajaan negeri bersedia membuka peluang kepada pelajar Universiti Antarabangsa Albukhary (AiU) bagi meneruskan pengajian di Kolej Universiti Insaniah (Kuin) berikutan ura-ura AiU bakal ditutup Jun ini.

Exco Pendidikan, Pengangkutan dan Kerja Raya, Datuk Tajul Urus Mat Zain, berkata perbincangan sudah dibuat antara pengurusan AiU dan Rektor Kuin, Prof Datuk Mohd Yusof Kasim bagi tujuan perpindahan pelajar terbabit.

"Saya sudah dimaklumkan oleh Rektor Kuin bahawa beliau turut dipanggil oleh pihak AiU untuk menghebahkan kepada mana-mana IPTS (Institusi Pengajian Tinggi Swasta) yang berminat untuk ambil pelajar mereka.

"AiU juga memberi kebe-



basan kepada pelajar untuk memilih Kuin atau mana-mana IPTS, tetapi Kuin membuka pintu yang luas kepada pelajar AiU untuk menyambung pengajian di sini.

"Di segi pencapaian kredit pelajar boleh berunding dengan Kuin," katanya pada sidang media selepas melawat Maktab Mahmud yang terbakar, di sini, semalam.

Tambah beliau, pelajar AiU yang berminat untuk menyambung pengajian di Kuin atau mana-mana IPTS

“ Saya difahamkan pihak AiU hanya memberi notis kepada Kementerian Pendidikan pada 14 Mac lalu tanpa melalui kerajaan negeri.” - Tajul Urus

difahamkan akan dibiayai kos pengajiannya oleh pihak pengurusan universiti antarabangsa itu sehingga tamat.

Difahamkan, kira-kira 600 pelajar dari dalam dan luar negara menyatakan kebimbangan ekoran keputusan pihak pengurusan AiU yang ditubuhkan sejak 2010 itu untuk menutup operasi mereka.

Tajul Urus berkata, pihaknya mengakui kecewa dengan keputusan AiU itu kerana tiada rundingan dijalankan bersama kerajaan

negeri terlebih dulu sebelum keputusan untuk menutup universiti itu dilakukan.

"Sepatutnya adakan perbincangan awal untuk menyatakan masalah mereka dan notis penutupan juga harus dibuat setahun awal sebelum keputusan terbabit boleh dibuat.

"Saya difahamkan pihak AiU hanya memberi notis kepada Kementerian Pendidikan pada 14 Mac lalu tanpa melalui kerajaan negeri," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, kerajaan negeri sememangnya rapat dengan pihak AiU dan sentiasa memberi sokongan dan bantuan.

"Ini kerana AiU adalah satu-satunya kolej yang menawarkan pengajian percuma.

"Jadi kalau nak tutup mesti maklum secara rasmi, sekurang-kurangnya bagi notis setahun," katanya.